



02 JUL, 2025

Teliti belanja guna elektrik



Harian Metro, Malaysia

Teliti belanja guna elektrik

Kuala Lumpur: Pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) boleh meneliti secara terperinci setiap sen yang dibelanjakan bagi penggunaan elektrik menerusi format bil baharu yang lebih menyeluruh dengan pelaksanaan struktur tarif elektrik baharu yang diumumkan Suruhanjaya Tenaga (ST), baru-baru ini.

Struktur baharu yang digunakan ini diluluskan kerajaan melalui mekanisme Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) selaras dengan Seksyen 26 Akta Bekalan Elektrik 1990.

Berdasarkan laman sesawang rasmi myTNB, pelanggan akan menerima bil yang memaparkan pecahan tiga komponen utama, Caj Penjanaan, Caj Rangkaian dan Caj Peruncitan. Pendekatan itu ber-

tujuan meningkatkan ketelusan dan kefahaman pengguna terhadap struktur bil elektrik.

“Caj Penjanaan merangkumi kos bahan api, kapasiti penjanaan dan peralasan harga bahan api global, Caj Rangkaian melibatkan kos operasi penghantaran dan penyelenggaraan sistem bekalan, manakala Caj Peruncitan membabitkan kos perkhidmatan pelanggan, penegebian serta pengurusan akaun,” menurut laman sesawang itu.

Bil lebih terperinci itu bertujuan meningkatkan tahap ketelusan, selain membantu pengguna memahami dengan lebih jelas struktur bil elektrik mereka.

“Maklumat ini membolehkan pelanggan TNB meneliti perincian setiap

sen yang dibelanjakan, seterusnya membuat keputusan lebih bijak dalam pengurusan tenaga harian,” menurut laman sesawang itu.

Pada Julai, pelanggan akan menerima bil peralihan yang memaparkan dua caj penggunaan bagi tempoh berbeza, iaitu hingga 30 Jun 2025 (dikira mengikut tarif lama) dan bermula 1 Julai 2025 (berdasarkan struktur tarif baharu).

“Bil peralihan bulan Julai 2025 akan tersedia dalam tempoh 24 jam melalui aplikasi dan portal myTNB, manakala bagi pelanggan yang menerima bil bercetak, penghantaran bil akan dihantar dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh bacaan dibuat,” menurut laman sesawang itu. - Bernama